

Nama : \_\_\_\_\_

Ting : \_\_\_\_\_

## PERIBAHASA

### MAKSUD PERIBAHASA

1. Adik berkahwin lebih dahulu daripada kakaknya.
2. Ilmu yang tidak diamalkan lama-kelamaan akan hilang kemahirannya.
3. Dendam yang telah lama terpendam.
4. Keuntungan yang diharapkan tidak diperoleh sedangkan yang ada hilang pula.
5. Perselisihan sesama anggota keluarga itu akhirnya berbaik semula.
6. Hukuman atau pertimbangan yang tidak adil.
7. Orang miskin berlaku seperti orang kaya.
8. Orang yang tidak mengendahkan yang lama kerana sudah mendapat sesuatu yang baru.
9. Menggunakan waktu dengan sebaik-baiknya.
10. Sangat banyak hutangnya.
11. Jika banyak hasilnya, banyaklah belanjanya.
12. Ahli keluarga yang salah laku dibela juga berbanding jikalau orang luar, akan dilihat sahaja.
13. Mendapat kemewahan yang tidak disangka-sangka.
14. Segala percakapan orang itu hendaklah dipertimbangkan dahulu sebelum diterima atau ditolak.
15. Mendapat keuntungan hasil daripada kemalangan atau kesusahan orang lain.
16. Dikasihi semasa muda, ditinggalkan apabila tua (berkenaan perempuan).
17. Orang yang pulang ke tempat asal.
18. Orang yang telah diberi sedikit namun minta banyak lagi.
19. Orang yang berkhianat secara diam-diam.
20. Orang yang menyembunyikan kelebihannya.

Nyatakan nombor maksud peribahasa yang sesuai.

Bil	PERIBAHASA	NO.
1	Bagai limau masam sebelah	
2	Pacat hendak menjadi ular.	
3	Diam penggali berkarat	
4	Sebanyak hutang Si Jebon.	
5	Seperti api dalam sekam	
6	Pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar.	
7	Seperti harimau menyembunyikan kuku.	
8	Sebusuk-busuk daging dikincih dimakan juga, seharum tulang dibuang jua.	
9	Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran	
10	Sedap manis jangan ditelan, pahit jangan dimuntahkan.	

Bil	PERIBAHASA	NO.
11	Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga	
12	Seperti Belanda minta tanah.	
13	Melangkah bendul	
14	Seperti bunga, sedap dipakai layu dibuang.	
15	Seperti gunting dalam lipatan.	
16	Seperti tikus jatuh ke beras.	
17	Seperti belut pulang ke lumpur.	
18	Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.	
19	Besar periuk besar keraknya.	
20	Jong pecah yu kenyang.	